# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 18 | RABU 30HB APRIL, 1980. | 1400 رابو 14 جمادي الاخير | PERCHUMA




PAMERAN Lukisan yang di-anjorkan oleh Persatuan Pelukis2 Brunei kini sedang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan. Pameran sa-lama 10 hari itu telah di-rasmikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

Gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama dengan di-iringi oleh Pengiran Asmalee sedang menyaksikan pameran sa-telah upachara perasmian itu.

## $1.5 juta di-untokan bagi bayaran alaon Guru2 Pelajaran Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyatakan bahawa Kerajaan tahun ini telah memperuntokan sa-jumlah 1.5 juta ringgit bagi membayar alaon guru bagi semua kategori pelajaran dewasa negeri ini ia-itu pertambahan sa-banyak 300 ribu ringgit dari tahun 1979.

Oleh itu guru2 pelajaran perdagangan dewasa di-ingatkan supaya jangan menganggap kesanggupan kerajaan memperuntokan belanja sa-besar itu sa-mata2 sa-bagai suatu kelurusan dan peluang untok memperolehi pendapatan sampingan yang lumayan.

Beruchap ketika merasmikan Seminar Guru2 Pelajaran Perdagangan pagi Ahad 27hb April yang baru lalu, Awang Haji Badaruddin seterus-nya mengingatkan supaya mereka sepatut-nya mengasaskan khidmat kapada negeri ini dan jenerasi muda sekarang pada asas2 yang betul demi kepentingan jangka panjang seluroh-nya.

Kata-nya, jika pelajaran di-katakan sa-bagai 'investment' untok masa depan negara maka khidmat kita di-dalam-nya merupakan sa-bahagian sumbangan yang di-perlukan bagi menjamin modal yang di-tanam itu benar2 di-'invest'.

"Sebab itu-lah dalam apa jua perkhidmatan kita sentiasa di-tuntut untok berkeinsafan menambah mana2 yang kurang dan meluruskan mana2 yang tidak betul yang di-ertikan sa-bagai meningkatkan mutu dalam perkhidmatan", terang-nya.

Terdahulu dari itu Awang Haji Badaruddin menjelaskan, pelajaran perdagangan telah menarek minat ramai belia2 termasok yang maseh di-bangku sekolah untok mengikuti-nya kerana perchaya pelajaran tersebut dapat melengkapkan kelayakan mereka dalam mana2 bidang kerja.

Dalam hubongan itu, tegas beliau, guru2 pelajaran perdagangan patut mengambil perhatian supaya pelajar2 berkenaan semesti-nya di-lengkapkan dengan segala kechekapan yang meliputi penguasaan teknik dan method yang baik bagi membolehkan mereka berkhidmat dengan chekap.

"Tapi tentu-lah pengalaman untok chekap dan untok bijak dalam satu2 bidang kerja menaip, trengkas, simpan kira dan steno mesti-lah anak kunchi-nya berupa kechekapan awal yang di-dapat sa-masa mengikuti pelajaran2 itu sa-belum menjawat jawatan2 yang berkenaan", jelas Awg Haji Badaruddin.

Beliau berkata, ketiadaan kechekapan bagi sa-seorang dalam satu2 bidang kerja di-sektor prebit atau kerajaan jika berterusan akan menimbulkan keraguan pehak berkenaan tentang kesan, keupayaan dan kechekapan yang dapat di-bekalkan oleh kelas2 perdagangan yang guru2 itu sendiri terlibat menjadi tenaga pengajar-nya.

Untok itu Awang Haji Badaruddin penoh perchaya peserta seminar akan dapat menolong membuktikan bahawa kelas2 perda-

Lihat muka 16

### Manis-nya Iman

"FITNAH yang paling ku takuti berlaku ka-atas umat ku ia-lah fitnah kerana perempuan dan fitnah kerana arak". — HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi daripada Sayidina 'Ali (r.a.)

## Bekalan ayer terputus:

# USAHA DI-GANDAKAN UTK PULEHKAN KEADAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tindakan2 segera telah di-laksanakan oleh Kerajaan untok mengatasi kesukaran2 bekalan ayer yang di-hadapi oleh pendudok2 di-Daerah Brunei-Muara dan Tutong sejak hari Ahad lepas.

Sa-bilangan besar pendudok2 sekitar Daerah Brunei-Muara dan Tutong dari jumlah lebeh dari 100,000 orang yang menerima bekalan ayer paip telah menghadapi kesukaran2 mendapatkan bekalan itu berikutan dengan terputus-nya sama sekali bekalan ayer yang di-salorkan dari Layong.

Terputus-nya bekalan ayer itu ada-lah di-sebabkan oleh kerosakan bekalan letrik ka-jentera mengepam ayer di-Layong dan Kerajaan mengumomkan bahawa kerosakan itu hanya akan dapat di-pulehkan dalam masa tiga hari.

Berikutan dengan kejadian itu, Jabatan Kerja Raya mengumomkan bahawa pembekalan ayer ka-Daerah Brunei-Muara dan Tutong, kechuali beberapa buah kawasan di-kedua2 daerah itu ada-lah terputus sama sekali.

Pendudok2 di-kawasan2 tersebut telah di-nasehatkan supaya menjimatkan penggunaan ayer dan menyimpan ayer hujan jika berkemungkinan hujan atau memperolehi ayer dari lain2 sumber.

Orang ramai juga telah di-nasehatkan supaya memasak ayer sa-belum di-gunakan dan pemilek2 alat pemanas ayer letrik di-nasehatkan supaya tidak menggunakan alat2 tersebut sa-hingga kerosakan telah di-perbaiki.

Ini-lah kejadian pertama terputus-nya sama sekali bekalan ayer yang di-salorkan dari Layong dan menjejaskan dua buah daerah dengan bilangan pengguna2 yang besar jumlah-nya.

Sekurang2-nya dua buah kawasan yang paling terjejas ia-itu di-sekitar Kampong Ayer dan kawasan Berakas ka-Jalan Muara.

Pendudok2 Kampong Ayer mensifatkan kejadian itu sa-bagai paling terok kerana mereka telah kehilangan tempat2 mengambil ayer yang sa-belum-nya menjadi tumpuan mereka untok menampong keperluan ayer sa-belum paip2 ayer di-salorkan ka-kawasan itu.

Berpuloh2 buah perahu yang berisi beratus2 tin kosong telah bertumpu ka-kawasan2 lama itu saperti di-Subok dan Ayer Berkunchi serta ka-wasai2 di-ulu Sungai Brunei untok mendapatkan ayer, tetapi lebeh ramai di-antara mereka mengalami kekechewaan kerana ayer amat berkurangan di-tempat2 tersebut.

Bagaimana pun, untok sekadar minum dan memasak, mereka menjalankan ikhtiar2 untok mendapatkan ayer yang sa-bilangan besar-nya mendapatkan ayer dari rumah2 di-darat yang tidak terjejas dari menerima bekalan itu.

Di-kawasan Berakas dan Jalan Muara, ramai di-antara pendudok2-nya mengunjongi steshen2 kechil pengepam ayer yang ada di-kawasan itu untok mendapatkan sa-gilin dua ayer dan sa-tengah2-nya ada yang menchari telaga2 lama dan ada pula yang menggali telaga2 baru.

Steshen pam ayer di-Tasek Lama ada-lah yang paling sebok untok melayan panggilan2 talipon yang meminta tanker2 ayer ka-rumah2 dan di-perchayai mereka-lah yang lebeh banyak mengalami berbagai kesan akibat terputus-nya bekalan tersebut.

Pehak yang berkuasa menyedari akan kesulitan2 yang di-hadapi oleh pendudok2 yang terlibat itu dan usaha2 telah di-gandakan untok memulehkan keadaan.

## DYMM di-undang ka-P'tabalan Yang Dipertuan Agong M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri bagi Hal Ehwal Luar Malaysia, Tengku Ahmad Rithaudeen telah mengadakan kunjongan sengkat ka-Brunei pada Isnin lalu.

Tujuan kunjongan tersebut ada-lah bagi menyampaikan undangan bagi Kerajaan Malaysia dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta DYTM Paduka Seri Begawan Sultan atas Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang akan berlangsong pada bulan Julai depan.

Kunjongan beliau dan rombongan juga ada-lah khas bagi menyampaikan salam dari DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong serta Perdana Menteri Malaysia Dato Hussein Onn dan Datin Suhaila kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan.

Ketibaan rombongan beliau telah di-alu2kan di-Lapangan Terbang Antarabangsa oleh TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan Dato Setia Awg Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib.

Pada sebelah petang Tengku Ahmad Rithaudeen dan rombongan telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana di-mana beliau telah menyembahkan un-

Lihat muka 16

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

30HB APRIL, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## ELAKKAN KEMALANGAN JALAN-RAYA

KEHILANGAN jiwa dan harta benda dalam satu2 kemalangan seringkali di-perhitongkan nilai kerugian yang hilang dan sudah menjadi kebiasaan umom untok di-jadikan bahan pertutoran di-mana2, akan tetapi pertutoran sa-macham ini hanya kechoh buat sa-ketika tanpa meninggalkan kesan yang membena dari yang tinggal dan merasa, malah akan tinggal sabagai restaan, kenangan rasa dan simpati yang tidak bermakna.

Kemalangan jalan-raya yang sering mengakibatkan kematian atau sekurang2-nya kechederaan apabila berlaku berbagai alasan akan timbul mengenai sebab musebab-nya, namun sebab2 'kechuaian' merupakan ketentuan mutlak yang tidak dapat di-dolak-dalek oleh siapa2 jua sa-bagai sebab utama-nya sekali pun kechuaian itu di-lakukan oleh sebelah pehak saja! Dan kechuaian itu pula di-lakukan tidak lain berpuncha dari sikap dan unsor2 'tidak patoh, tidak sabar, tidak timbang rasa dan tidak bertolak-ansor' dalam mematohi undang2 dan peratoran jalan-raya itu sendiri.

Sa-tiap suatu itu pasti ada dengan undang2 dan peratoran-nya. Dan peratoran serta undang2 itu pula mempunyai matalamat yang murni demi untok keselamatan dan kesempurnaan jiwa dan harta benda. Dalam Islam undang2 dan peratoran merupakan suatu yang di-tuntut, kerana tanpa ada-nya undang2 dan peratoran itu kesempurnaan serta keselamatan tidak akan terchapai. Dalam perkara untok mengkesankan undang2 dan peratoran itu menchapai matalamat-nya, 'kepatohan' perlu sekali di-wujudkan kerana tanpa kepatohan kita akan sentiasa melakukan 'pengabaian' yang menjadikan kita sa-bagai orang yang engkar kapada perkara2 yang di-wajibkan dan hasil-nya kita kehilangan pahala, malah menerima habuan dosa.

Kerajaan telah pun menyediakan undang2 dan peratoran berkenaan di-samping mengusahakan berbagai kempen keselamatan menerusi jabatan2 yang berkenaan. Jabatan Pulis dan Pengangkutan disediakan untok mengawal pendaftaran dan undang2 berkenaan. Majlis Keselamatan Jalan-raya di-tubohkan untok mengkesankan lagi hasrat demikian dengan beberapa ikhtiar yang berkebajikan mengenai keselamatan jalan-raya kapada semua raayat negeri ini.

Apa yang penting kapada kita terutama pengguna jalan-raya ia-lah mendukong serta mematohi undang2 berkenaan, kerana tanpa dukongan demikian jalan-raya di-negeri ini tidak akan sunyi untok terus memakan korban.

Dari perangkaan yang di-perolehi, sejak tahun 1972 hingga tahun 1979 kemalangan jalan-raya dinegeri ini terus meningkat dan bertambah jumlah-nya dari 974 kejadian kapada 1519 kejadian. Dan purata dalam tempoh lapan tahun itu sa-jumlah 1287 kemalangan telah berlaku dengan angka2 kematian serta kechederaan yang bukan sedikit. Dalam tahun 1977 saja rekod kematian telah di-chatet sa-bagai yang paling tinggi sa-jauh ini dengan 50 orang terkorban.

Semoga-lah dari perangkaan itu kita akan sentiasa berikhtiar dan berganding bahu bersama pehak2 berwajib untok mengkesankan undang2 berkenaan lebeh2 lagi sejak akhir2 ini jumlah kenderaan juga tidak kurang pertambahan-nya untok bergerak di-jalan-raya kita sa-tiap hari, hingga kini dapat-lah kita anggarkan bahawa hampir 70 ribu buah kenderaan melungsor dijalan-raya, maka dengan jumlah itu sa-tidak2-nya keselamatan kita sering terancham apabila kita berada di-jalan-raya.

Justeru sekarang, perahu dan dayong sudah disediakan oleh Kerajaan, dan untok melancharkan-nya menuju matalamat dengan selamat ia-lah kita, kerana itu kita perlu pandai berdayong dan berenang agar tidak karam dan lemas di-perjalanan.

SUDAH biasa: orang chuma terpegun sabentar apabila mendengar berita kemalangan jalanraya. Saperti tidak berbeza apa-kah kemalangan tersebut memakan korban nyawa atau chuma chedera.

Mungkin kerana kejadian itu sudah jadi perkara biasa, atau kerana pemberitaan-nya tidak sampai membangkitkan sa-barang riaksi luar biasa. Yang jelas-nya begitu-lah: sekarang ini kejadian kemalangan jalan-raya sudah kehilangan unsor yang boleh mempesonakan perhatian umom terhadap-nya.

**Apa-kah begitu juga dingin-nya perhatian umom apabila ada berita mengenai orang hilang, dan terutama-nya kalau yang dilaporkan hilang itu ia-lah anak gadis?**

Saya tidak mengesan ada sa-barang perbezaan-nya yang istimewa.

# PADA HEMAT SAYA....

## antara berita

# KEMALANGAN JALAN-RAYA DAN ORANG DI-LAPORKAN HILANG

### YANG CHUMA TERBETEK

Kalau berita kemalangan jalan-raya, hati-fikiran orang chuma di-gamit2 oleh tanda-tanya mengenai apa yang terlibat dan tempat kejadian-nya, begitu-lah lebeh kurang apabila ada orang di-laporkan hilang. Yang sempat terbetek di-hati dan di-kepala ramai orang ialah tentang *siapa-nya* dan *dari mana-nya*. Kalau pun lebeh sedikit daripada itu chuma-lah tanda-tanya *macham mana boleh terjadi* dan *macham mana boleh hilang*.

Tidak-lah ramai orang akan memikirkan betapa mangsa kemalangan itu akan di-ratapi oleh orang2 yang mengasehinya, dan betapa pula orang yang hilang itu akan menggundah-gulanakan keluarga-nya.

Nyata-nya: orang sekarang saperti terlalu sebok dengan berbagai *achara* dalam lengkongan diri-nya. Begitu-lah kelihatan-nya penomina yang ada. Lalu tidak hairan kalau sa-seorang tidak sempat memberi banyak perhatian terhadap *achara* lain di-luar dari lengkongan kehidupan-nya.

Dalam pada itu tentu maseh dapat di-kenang betapa sa-lain dari *achara* di-lengkongan diri dan yang melibatkan diri sachara khusus, orang ramai sabenar-nya maseh punya *achara bersama* yang melibatkan mereka. Kalau tidak, tentu-lah tidak lagi akan di-sebut2 *muslihat umom; kepentingan bersama;* dan berbagai2 lagi sebutan2 yang menjelaskan keutamaan *sama² berkepentingan*.

Jadi, apa-kah kejadian orang mati atau chedera dalam kemalangan jalan-raya dan orang hilang — terutama-nya anak gadis — itu terkeluar dari kategori *achara* yang sa-patut-nya menambat dan mendapat perhatian ramai? Apa-kah siratan kejadian itu tidak melibatkan muslihat umom atau sabarang kepentingan bersama?

Sekali lagi, begitu-lah kelihatan-nya penomina kehidupan sekarang.

### DAHULU

Pada masa dahulu tentu-lah perkara atau kejadian sa-umapama itu boleh *menggaplahkan* orang. Ambil saja chontoh kejadian orang hilang di-tangkap buaya/di-sembunyikan orang halus, atau orang mati/chedera di-langgar kerbau liar — betapa ramai orang *gaplah* kerana-nya. Kalau tidak pun *gaplah sa-negeri* tapi sudah tentu *gaplah sa-kampong*.

Bukan-lah *gaplah* orang2 dahulu itu sa-kadar riuh2 macham *riuhkan pengait* atau *riuhkan jalama*. Ia-nya lebeh berupa sa-macham chara memedulikan kejadian malang yang menimpa orang lain.

Tentu chara pemedulian begitu bukan-lah dalam kategori busy body — yang dalam konsep orang yang asal ampunya sebutan sa-bagai suatu yang amat jelek dan tidak disenangi!

Erti-nya: sudah sa-makin jelas ada sa-macham perlainan sikap di-kalangan umom dahulu dengan sekarang. Dahulu orang *gaplah mengalinga* kejadian2 malang yang menimpa orang lain. Sekarang sudah tidak begitu lagi (*tapi bukan maana-nya sudah tidak perlu lagi*!).

Mungkin juga ada kaitannya dengan puncha kejadian. Dahulu orang mudah *gaplah* sebab puncha sa-tengah2 kemalangan bukan kechuaian atau kesenghajaan sa-sama manusia tapi berpuncha dari binatang saperti kerbau atau buaya atau juga makhlok lain yang bukan manusia.

Yakni, kalau ada kemalangan yang membawa kapada kematian atau kechederaan maka kebanyakan puncha-nya ia-lah di-langgar kerbau atau pun kerebahan pokok kayu; kalau ada yang hilang bukan-lah hiling kerana *di-panggal pengait* tapi biasa-nya hilang di-tangkap buaya atau *di-tapok hantu*. Tambahan lagi kejadian begitu jarang berlaku, dan kalau berlaku pun tidak dapat mangsanya di-persalahkan atau di-kesali. Kerana itu berhak-lah kejadian2 itu mendapat simpati umom. Lain hal-nya sekarang, puncha-nya telah banyak ditekankan pada kechuaian atau juga kesenghajaan mangsa itu sendiri. Dan tentu orang yang chuai—apalagi kalau senghaja—menempah malang tidak banyak, kalau pun tidak berhak—untok mendapat simpati ramai.

### WAJAR-KAH ?

**Soal-nya: apa-kah penomina sekarang ini sa-penoh-nya dapat di-terima sa-bagai sudah wajar?......**

Dalam kes2 kemalangan jalan-raya yang maseh perlu dipersoalkan bukan-lah akibat2 nya. Orang sudah dapat menjangkakan apabila terjadi kemalangan jalan-raya akibat-nya ia-lah kerugian nyawa atau anggota tuboh badan atau juga harta benda.

Dalam kes2 orang di-laporkan hilang, terutama-nya yang di-katakan hilang itu ia-lah anak2 gadis sa-telah beberapa hari tidak balek ka-rumah, tentu-lah banyak yang maseh boleh di-persoalkan.

Kalau kejadian orang dilaporkan hilang itu tidak lagi menjadi persoalan maka itu-lah yang tidak wajar dalam sikap dingin orang2 sekarang terhadap berita2 yang sa-benar-nya berupa rayuan minta kerjasama menchari atau memberi sabarang maalumat.

Dalam kes kemalangan jalanraya pun kalau akibat2-nya tidak lagi menarek di-perkatakan tapi tentu maseh ada aspek2 lain yang patut mendapat perhatian. Apabila aspek2 lainnya itu tidak lagi di-ambil pusing maka itu-lah yang tidak wajar-nya.

Sebab itu-lah maka-nya kempen2 menunjok ajar tentang keselamatan jalan-raya di-giatkan, dan tindakan ka-atas kesalahan2 lalu lintas di-hebatkan. Semua-nya itu bagi usaha mengekalkan perhatian umom kapada kejadian2 kemalangan di-jalan2-raya. Maka tentulah tidak wajar pula kalau berita2 kemalangan sa-makin kehilangan unsor-nya yang boleh mempersonakan orang ramai.

Tapi, apa-kah sa-demikian itu dapat pula di-lakukan bagi kes2 orang hilang atau di-laporkan hilang?

Nyata-nya, kejadian orang hilang, atau di-laporkan hilang, atau sekian2 hari tidak balek2 ka-rumah ada-lah belum termasok dalam kes2 yang menjadi issue umom yang biasa dikempenkan. Tapi bukan ertinya ia tidak patut mendapat perhatian, malah kejadian akhir2 ini memungkinkan dan mematutkan orang ramai mulai memikirkan sa-chara sunggoh2 siratan di-sebalek berita2 yang di-dengar mengenai-nya.

### BELUM TERGAMBAR

**Begitu pun, berterus teranglah saya betapa belum tergambar di-khayalan saya tentang bagaimana nanti kalau kejadian orang hilang itu sampai memaksa kita berkempen mengatasi atau mengurangkan-nya. Ya, bagaimana agak-nya bentok kempen-nya?**

Yang di-ketahui, sa-belum bentok sa-suatu kempen di-tetapkan tentu-lah di-ketahui dulu puncha2 kejadian-nya dan lain2 hal yang berbangkit serta berkait dengan masaalah2-nya.

Soal-nya: sa-takat ini kita biasa-nya akan menanti siapa2 yang sudi tampil bersukarela *memisi* puncha kejadian itu lalu orang2 itu juga akan mengetengahkan-nya dengan sa-lantang2-nya dan *sa-rantang²-nya*. Ya, soal-nya siapa?

Dan lebeh utama lagi ia-lah: apa-kah kejadian orang hilang atau di-laporkan hilang, atau sudah sekian2 hari tidak balek ka-rumah itu telah mendapat perhatian siapa2 sa-lain keluarga yang melaporkan-nya dan pehak pulis yang menerima laporan?

Nyata-nya, orang ramai saperti bersikap dingin, sama dingin-nya terhadap berita2 kemalangan jalan-raya. Untong-nya kemalangan jalan-raya ada yang sudi bersukarela memadulikan-nya.

Terhadap kejadian orang hilang, meski pun kedengarannya tidak-lah mengerikan tapi bukan-lah kerana itu ia tidak patut menerima perhatian. Dan perhatian yang di-hajati bukanlah lagi sa-chara *menggaplahkan-nya* saperti *gaplah* orang2 dahulu apabila orang hilang ditangkap buaya maka buaya pun *di-alir*, atau apabila orang hilang di-sembunyikan *orang halus* lalu di-chari-lah sa-chara berdukun.

Mungkin *gaplah* yang di-perlukan sa-takat ini memadai untok menggamit orang ramai bahawa berita orang hilang yang mereka dengar itu bukanlah cherita lakunan wayang atau talivishen! — *Ketua Pegawai Penerangan.*

"....orang sekarang saperti terlalu sebok dengan berbagai achara dalam lengkongan diri-nya.... lalu tidak hairan kalau sa-seorang tidak sempat memberi banyak perhatian terhadap achara lain di-luar dari lengkongan kehidupan."

# EXTERNAL TRADE FOR 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — For the whole of 1979, Brunei achieved a surplus balance of trade of B$4,934 million compared with B$3,556 million for the whole of 1978.

Imports increased by B$223 million to B$862 million while exports increased by B$1,601 million to B$5,796 million.

Statistic figures released by the Economic Planning Unit of the State Secretariat show that during the year Brunei imported machinery and transport equipments valued at B$349 million ($194 million); manufactured goods, B$193 million (B$193 million); food, B$110 million (B$96 million); miscellaenous manufactured articles, B$68 million (B$47 million) and chemicals, B$58 million (B$43 million).

The main suppliers to Brunei were Japan which exported a total of B$221 million (B$155 million); Singapore, B$183 million (B$140 million); United States of America; B$145 million (B$97 million) and United Kingdom, B$86 million (B$68 million).

The principal exports of Brunei were crude petroleum valued at B$3,936 million (B$2,619 million); liquefied natural gas, B$1,480 million (B$1,321 million) and petroleum products, B$286 million (B$165 million). Other exports were natural rubber, sawn timber, cow and buffalo hides and pepper.

The main buyers of Brunei products were Japan which imported a total of B$4,109 million (B$3,108 million); United States of America, B$485 million (B$383 million); Singapore, B$348 million (B$203 million) and Formosa (Taiwan) B$241 million (B$168 million).

The figures in brackets refer to imports or exports for the whole of 1978. Details of goods imported or exported are available at the Economic Planning Unit at the normal charge.

## Soldiers to receive medals

TUTONG CAMP. — 19 members of the Royal Brunei Malay Regiment's Second Battalion will receive their long service and good conduct medals at a ceremony to be held here tomorrow.

The medals will be presented by the Commanding Officer of the regiment, Brigadier Cameron.

Meanwhile, two more officers of the Royal Brunei Malay Regiment are now attending courses in England.

Captain Abdul Jalil bin Haji Ahmad, an officer from the First Flotilla is currently attending an International Navigation course in Petersfield. He will be there for three months.

While Lieutenant Awangku Mohammad bin Pengiran Haji Mohidi from the Second Battalion will undergo a three-month platoon commander's course at the officer's wing of the school of infantry in Warminster.

# SABERKAS members return home

BANDAR SERI BEGAWAN. —A group of more than one hundred members of the Sarawak's SABERKAS Association, who paid a four-day goodwill visit to the State, returned to Kuching last week.

The party was led by the Association's Deputy President, Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk Hakim Abang Haji Mohiddin, who is also the Sarawak's Assistant Minister of Culture, Youth and Sports. They arrived here on 19th April.

Also in the group were several members of the Malaysian Parliament and the Resident of Limbang, Abang Haji Zainuddin.

While in the State, they were entertained by the State Youth Council. They held several friendly matches with local teams and visited various places of interest.

On 21st April, the visitors called on the Shell Petroleum Company in Seria.

They were welcome at the Company's Information Centre by the BSP Public Relations Officer, Awg Mohammad Hussein bin Haji Mohammad.

Then they were briefed by another PRO, Awg Sharif bin Haji Naweh on the company's background and operations.

The group was then brought to Kuala Belait to meet members of the Belait Youth Council at the Municipal Hall. It was followed by a friendly soccer match against a local side at the KBRC padang.

Earlier, on 20th April, the visitors joined members of the State Youth Council and the Social Workers and Community Development Committee members at a picnic at the Muara beach where they also jointly carried out a project to clean the beach.

Before the campaign started, the leader of the visiting delegation introduced his members to the Director of Brunei Welfare, Youth and Sports, the Honourable Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein who was presented with a sovenir.

At night, the visiting members attended a dinner at the Youth Centre here given by the Brunei Youth Council.

Speaking at the function on behalf of the council was its president, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif who then presented sovenirs to Saberkas members.

The function was highlighted by performances by the Culture Society of the Language and Literature Bureau and the Saberkas martial art group.

Meanwhile, a team of eleven players from the Limbang Badminton Association also arrived in the state last week.

They were led by the association's president, Awang Mohammad bin Mat Seruddin.

During their one-day visit here, they played a friendly badminton match against a team of selected home players at the Youth Centre here.



Some of the members of the Sarawak's Saberkas Association gather at the dock getting ready to visit the Kampong Ayer in Bandar Seri Begawan.

# *Keep away from undesirable elements — Dato Haji Ahmad*

KUALA BELAIT. — In process of the development, this country needs educated, well-disciplined, moral and courteous citizens.

Students should be dedicated to this country and must keep themselves away from any undesirable elements who attempt to undermine prosperity in Brunei.

The advice was put forward by the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat at the opening of the Quran Reading and Sharahan (Religious Oratory) Competition for religious Schools in the Belait district held at the Pengiran Anak Puteri Amal Rashidah Sa'adatul Bolkiah Religious School here recently.

"The bad habits such as egoistic, proud, selfish, disobedient, disrespecting teachers, stealing and damaging the government or individual property are all iresponsibilities and misconducts which are despised by the community as a whole". he said.

These bad attitudes, he said, should not be adopted by the students. However, Dato Haji Ahmad added, the main factors of the bad manners are due to the insufficiency in the knowledge of Islam and the fact that they are easily influenced.

So, Dato Haji Ahmad urged the students to be rational and to equip themselves with knowledge and be determined to achieve their ambitions for their own benefits as well as for the future development of this country.

"The right thinking and attitude are appreciated by the government of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, which, at the moment, is processing its development plan", he clarified.

The Director of Education added, the duties of students are not only to review their studies, but also to see what suitable roles and responsibilities they can take up and contribute to the State.

Dato Haji Ahmad also stressed that what is meant by morality is not only to behave properly or to be well-disciplined, e.g. students respect teachers and parents or boy students cannot sport long hair and wear sandals or slippers in classrooms, but also to make oneselves as the servants of Allah, the Creator.

"This means that by knowing the basic truth, one will be truthful in one's act and behaviour. This is the example set in the Quran for the humanity, and this will determine what is good and what is bad in relation to one's behaviour in private or in public," he said.

And, he said, "Certainly, we won't be negligent in developing the real humane characters in which we are not ready to let our future generations live without ideology and to struggle in darkness."

Because of that matter, he concluded, there are no reasons for us to drop the teaching of the moral of Isalm in schools for all the teachers or students.

## H.H. team beats Aussies

JERUDONG PARK. — Two friendly polo matches took place last Thursday afternoon here.

In the second match, the team of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan overtook the visiting Australian team with 11-5 win.

His Highness the Sultan's team included the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

In the first match, the team of the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah narrowly beat a visiting Hongkong team by 4-3½.

The spectators included the Duli YTM Paduka Seri Begawan Sultan and other members of the royal family.

On 22nd April, the Australian team also went down to His Highness the Sultan's team by 8-10.

Again on 21st April, the Australian team was defeated by His Highness the Sultan's team by 4-9.

These two matches were also held at the Jerudong Park.

## Lecture on road safety

SERIA. — About 100 students of the Mohammad Alam Secondary Malay School here last Wednesday attended a lecture on the road safety.

The talk, delivered by an official of the Road Safety Council, Pengiran Johari bin Pengiran Ahmad was on the danger of bad driving habits.

Besides listening to the lecture, the students also watched slides of road accidents.

The Road Safety Council is currently launching a state-wide drive to cut down the number of accidents on Brunei roads.

## Penghulus meet with villagers

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Penghulus and the village and longhouse chiefs from a number of Mukims and villages in the Brunei-Muara District lately held a meeting with villagers of several villages at the Pehin Dato Jamil Malay School at Kampong Setia in Kampong Ayer.

The Penghulus and the headmen of the villages and longhouses have just completed a civic course organised by the Information Section of State Secretariat in association with the District Offices and the Religious Affairs Department.

At the meeting, the Penghulu of Mukim Sungai Kebun, Pateh Haji Masri bin Ismail delivered a talk on Brunei Customs.

The guest of honour was the Chief Information Officer, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman who also gave a special lecture.

More than 100 villagers attended the meeting.

## Ports security passes

BANDAR SERI BEGAWAN. — The present permanent Ports Security Passes will be replaced and no longer be valid for use after 8th May, 1980.

Awang Anthony Chin, the Controller of Ports, in a statement says that the present pass-holders have to renew their passes at the Ports Department Office between 5th and 8th May inclusive.

To avoid rushing or unnecessary waste of time in waiting, the pass-holders with numbers set out are required to come according to the dates and times given on page 6.

Pass-holders are requested to bring their old passes with them in exchange for the new ones.

They should also inform the Department if they have changed their employers or jobs, otherwise it may result in their passes being permanently withdrawn.

Employers are also advised to inform the Department of any of their employees who may have left and do not require the use of the passes any longer in which case the passes should be returned to the Department for cancellation.

TERSEBUT dalam Kitab At-Taratibul-Idariah: *"Ada pun orang Islam di-awal2 Islam tiada-lah mereka berjual atau membeli, melainkan mereka belajar lebeh dahulu hukum jual beli dan adab2-nya dan chara2 untok mengelakkan dari makan riba."*

### PENDAPAT IMAM SHAFIE DAN GHAZALI

Al-Imam Ash-Shafie dalam kitab-nya 'Ar-Risalah' dan Al-Imam Al-Ghazali dalam kitab-nya 'Al-Ihya' menerangkan akan ijma' (sa-pakat kata) ulama Islam dan para sahabat bahawa orang Islam mukallaf yang aqil baligh itu sama ada laki2 atau perempuan tiada-lah boleh dan tiada-lah sah (haram) di-atas-nya membuat sa-suatu perkara melainkan dia telah mengetahui akan hukum Allah pada perkara itu.

Menurut Al-Imam Al-Qarafi Al-Maliki dalam Al-Furuq: *"Barangsiapa berjualan, maka wajib di-atas-nya belajar akan hukum2 yang telah di-tentukan Allah dan yang telah di-shara'kan pada perkara jualan itu. Dan barangsiapa menyewa, maka wajib di-atas-nya belajar akan hukum2 (rukun2 dan sharat2) yang telah di-shara'kan Allah pada perkara sewa menyewa itu. Barangsiapa hendak berniaga Qiradh (dengan mengeluarkan modal sementara orang lain memperniagakan modal itu), maka wajib-lah di-atas-nya belajar hukum2 Allah dalam perkara Qiradh itu. Demikian juga barangsiapa wajib di-atas-nya sembahyang, maka wajib-lah di-atas-nya belajar hukum2 Allah pada perkara sembahyang itu (rukun2 dan sharat2-nya).*

**Siri ke-30**

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

# BELAJAR HUKUM JUAL-BELI: WAJIB

Kaedah dalam perkara ini sa-belum membuat sa-suatu wajib-lah lebeh dahulu tahu akan hukum Allah ia-itu (rukun2 dan sharat2-nya) ada-lah berdasarkan firman Allah ketika mencheritakan dari hal Nabi Nuh ('Alaihis-Salam)

إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ

(Surah Hud, Ayat 47)

Tafsir-nya: *"Bahawa hamba berlindong dengan-Mu (Ya, Allah) dari bertanya akan sa-suatu, yang hamba jahil dan tiada mengetahui akan-nya"* (dari Al-Jalalain dan Al-Baidzawi).

Perkara ini terjadi ketika Nabi Nuh ('Alaihis-Salam) di-tegor oleh Allah apabila di-lihat-nya anak lelaki-nya tidak mahu menaiki bahtera-nya. Lalu ia bermohon kapada Allah agar menyelamatkan anak-nya itu sabelum ia mengetahui akan kedudokan anak-nya itu. Jadi tegoran Allah dan jawaban Nabi Nuh kedua2-nya menunjokkan bahawa mesti-lah sa-seorang mengetahui akan sa-suatu sa-belum ia melakukan-nya. Dalam ayat yang lain Allah berfirman pula:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

(Surah Al-Isra', Ayat 36).

Tafsir-nya: *"Jangan kamu berpegang dengan sa-suatu perkara yang kamu tiada mengetahui akan-nya"* (dari Al-Baidzawi).

Allah Ta'ala menegah Nabi kita (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dari membuat perkara yang *majhul*, bermakna tiada-lah boleh sa-seorang memulakan sa-suatu perkara sa-hingga-lah ia mengetahui perkara itu. Tegas-nya menchari ilmu itu wajib pada tiap2 perkara. Sabda Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam):

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Erti-nya: *"Menuntut Ilmu itu suatu perkara yang fardzu di-atas tiap2 sa-orang Islam."*

### FARDZU 'AIN DAN FARDZU KIFAYAH

Menurut Al-Imam As-Shafie: Menuntut ilmu itu ada dua macham. Pertama Fardzu 'Ain dan Kedua Fardzu Kifayah. Maksud Fardzu 'Ain itu ia-lah mengetahui kamu akan perkara yang kamu buat ketika itu, saperti jika kamu hendak bersembahyang maka hendak-lah kamu mengetahui rukun dan sharat2-nya. Begitu juga jika kamu hendak makan makanan maka perlu-lah kamu ketahui makanan itu sa-benar2-nya halal (bukan bangkai dan hak orang atau najis), dan di-ketahui juga makanan wang yang kamu beli itu dengan wang yang halal serta chukop sharat2 jual beli pada-nya dan sa-umpama-nya. Sementara Fardzu Kifayah ia-lah perkara2 lain dari Fardzu 'Ain itu. Demikian-lah keterangan-nya.

Tersebut dalam kitab Ad-Dauhatul-Mushtabikatu Fi Dhawabiti Daris-Sikkah oleh Al-Hasan Ali bin Yusof Al-Hakim Al-Fasi: *"Sayidina Umar berkata tiada-lah boleh orang2 'Ajam masok dalam pasar kita (orang Islam) sa-hingga orang2 'Ajam yang Islam itu telah faqih (mengetahui akan hukum ugama)".*

Maksud perkataan Sayidina Umar itu ia-lah mengetahui apa yang mesti akan di-buat-nya pada diri-nya sendiri. Mengikut pendapat saya (Abdul Hai), maksud-nya ia-lah mengetahui hukum2 jual beli. Perkataan Sayidina Umar itu ada-lah di-ambil dari perbuatan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), kerana baginda sendiri mengajar akan tiap2 orang yang hendak membuat sa-suatu perkara akan hukum2 dan atoran2 perkara itu.

Al-Majaji dalam kitab-nya Sharah Mukhtasar Ibni Abi Jamrah pula mengatakan: *"Ulama kita telah berkata bahawa tiada boleh dan tiada sah berjual beli dan tiada boleh dudok di-pasar kerana berjual beli, melainkan orang yang mengetahui hukum2 jual beli, dan belajar hukum2 jual beli bagi siapa hendak berjual beli ada-lah fardzu yang wajib dan mesti di-atas-nya."* Kata-nya lagi, *"Telah ijma' ulama Islam di-atas hukum2 itu"* (mengetahui hukum2 jual beli sa-belum menjalankan urusan jual beli).

Berhubong dengan perkara yang tersebut di-atas maka Al-Imam Malik berkata dalam kitab Al-Qiradh dan dalam Al-Mudawwanah: *"Saya tiada suka (makroh) muamalah dengan orang yang menghalalkan yang haram atau orang yang tidak mengetahui halal haram, pada hal ia orang Islam.*

### SIKAP SAYIDINA UMAR

Di-riwayatkan daripada Sayidina Umar bahawa baginda telah memerentahkan pegawai-nya supaya mengeluarkan orang2 yang berniaga di-pasar jika sa-kira-nya ia tiada tahu hukum jual beli. Dan dalam kitab Ash-Shabrakhiti Alal-Mukhtasar berkata Al-Qabbab: *"Tiada-lah boleh bagi sa-seorang itu dudok berjual beli di-pasar sa-hingga ia mengetahui hukum jual beli itu. Dalil-nya ia-lah saperti yang di-perentahkan oleh Sayidina Umar bagaimana di-atas".*

Ulama telah menyebutkan suatu hadith marfu' yang di-katakan di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi berbunyi: Erti-nya tiada boleh berjual di-pasar kita (orang Islam) melainkan mereka yang telah faqih dalam ugama (tahu hukum halal-haram dalam berjual beli). Hadith ini tersebut dalam Kanzul Ummal, Juz I, muka 218.

Tersebut dalam kitab Tanbihul-Mughtarrin: *"Ada-lah Al-Imam Malik menyuroh pegawai2 pemerentah, supaya menghimpunkan pekedai2 dan penjual2, kemudian di-tanya kapada mereka. Apabila di-dapati ada di-antara mereka tiada faqih dalam hukum muamalat (jual beli dan lain2) dan ia tiada tahu membezakan yang mana halal dan yang mana haram, maka orang itu di-halau dari pasar. Lalu ia berkata: Awak belajar-lah dahulu hukum jual beli, kemudian baru-lah dudok di-pasar ini berjual beli. Di-khuatirkan orang yang tiada faqih akan makan riba dalam berjual beli itu".*

Menurut Al-Allamah Az-Zurqani dalam Sharah Al-Mukhtasar: *"Bahawa Al-Imam Malik berpendapat tiada-lah boleh di-terima saksian daripada peniaga2 di-dalam sa-suatu perkara, melainkan mereka sudah belajar hukum jual beli".*

Dalam Al-Bariqatul-Mahmudiah Fi Sharihit-Thariqatil-Muhammadiah oleh Ash-Sheikh Abi Said Al-Khadimi Al-Hanafi: *"Wajib di-atas peniaga2 belajar akan hukum2 jual beli sama ada pada sah, pada fasad-nya, pada batal-nya, pada halal atau haram-nya, sama ada pada riba dan lain2 yang haram".*

### MAZHAB HANAFI

Tersebut dalam At-Tatarakhaniah dalam mazhab Hanafi: *"Tiada-lah boleh sa-seorang itu berniaga sa-lagi ia tiada mengetahui hukum2 jual beli, dan mengetahui apa yang boleh dan apa yang tiada boleh.*

Dalam Baz-Zaziyah Fiqeh Hanafi: *Tiada-lah halal bagi sa-seorang itu berniaga sa-lagi ia tiada hafaz (tahu) akan bahagian hukum jual beli. Pada masa lalu, apabila peniaga2 hendak belayar berniaga, mereka bawa bersama2 mereka sa-orang faqih untok memberi naseha[t] dalam perkara jual beli mereka.*

Daripada Ulama Khawarz[mi] (ulama Hanafi): *"Bahawa me[s]ti-lah bagi peniaga itu mem[]punyai sa-orang faqih menja[di] kawan-nya* (di-petik dari A[t]-Taratibul-Idariyah karangan Al-Allamah As-Syed Abdul Hai Al-Kattani).

### KESIMPULAN

Jelas-lah kapada kita rupa[]nya orang Islam zaman dahu[lu] mempunyai penasehat undang[2] shara' dalam menguruskan ke[r]ja2 jual beli mereka, sa-baga[i]mana orang pada zaman i[ni] mempunyai penasehat undang[2] dalam perkara perniagaan mereka.

Apa yang kita sebutkan di-atas tadi ada-lah bersandarkan k[e]pada ayat2 Kor'an dan Hadi[th] dan pendapat2 dalam mazh[ab] kita Shafie, Maliki, dan Hana[fi] yang mewajibkan pekedai2 da[n] penjual2 belajar lebeh dahulu hukum jual beli dan muamala[t]. Hukum2 ini tersebut juga dalam kitab Bughyatul-Mushtarshidi[n] dan Fatawi Ibnu Hajar (dalam mazhab Ash-Shafie).

Orang2 sekarang belajar di-sekolah2 perniagaan, pertukang[]an dan perusahaan. Juga belajar pelajaran ekonomi, pemasar[]an, jual beli emas dan pera[k] dan lain2 lagi. Akan tetapi lal[u] dari perkara yang wajib da[n] mesti (Fardzu 'Ain) di-atas me[]reka mengetahui. Jika mereka mengetahui-nya bagaimana yan[g] tersebut di-atas tadi maka akan selamat-lah mereka, ahli rumah mereka dan orang2 Islam dar[i] makan harta riba dengan chara haram. Juga akan selamat-lah mereka dari kekal dalam keada[]an dosa besar dengan sebab bo[]doh mereka akan hukum2 jua[l] beli itu.

Penganjor pelajaran ugama di-sekolah2, di-surau2 dan di masjid2 perlu-lah memikirkan perkara saperti ini. Dalam usa[]ha kita menchari kehidupan da[n] harta dunia, kita juga meng[]harapkan keredzaan Allah Sub[]hanahu Wata'ala.

*WALLAHU A'ALAM*




# JADIKAN KECHERMATAN MEMANDU SA-BAGAI SATU CHARA HIDUP

DI-MANA2 pun di-dunia sekarang ini memang tidak sunyi daripada mengalami kejadian kemalangan jalanraya. Yang berbeza hanya-lah dari segi banyak atau sedikit-nya sahaja. Ada sa-tengah negeri banyak berlaku kemalangan jalanraya, dan ada sa-tengah-nya pula sedikit sekali berlaku kejadian tersebut. Di-negeri kita Brunei ini pun tidak terlepas daripada kejadian sa-demikian malahan di-tahun kebelakangan ini ia-nya sa-makin bertambah sekali pun kemalangan jiwa kadang2 kurang kadang2 bertambah tahun demi tahun. Banyak usaha telah dan terus di-buat di-negeri ini bagi maksud mengurangkan kemalangan jalanraya.

Sa-lain daripada menyediakan undang2 dan tanda2 tetrentu yang di-pasang di-jalanraya, di-adakan juga kempen pameran, cheramah serta penerangan menerusi sebaran am saperti radio, talivishen, akhbar dan sa-bagai-nya. Dalam pada itu kejadian kemalangan jalanraya terus juga berlaku yang melibatkan berpuloh-puloh orang mati dan ramai lagi yang chedera sa-tiap tahun. Puncha kejadian itu ia-lah kechuaian pemandu2 dan kechuaian pengguna2 jalanraya, dan sa-tengah-nya pula di-sebabkan oleh binatang2 saperti kerbau yang kadang2 dengan tiba2 melunchor lari di-jalanraya yang mana bertembong dengan keadaan yang mendadak itu amat sukar di-elakkan kemalangan.

Rasa-nya tiada siapa yang ingin terlibat dalam kejadian kemalangan jalanraya baik pemandu atau pengguna2 jalanraya. Kerana kejadian sa-demikian biasa-nya memakan korban dan kerugian, sekurang-nya melibatkan kerosakan pada kenderaan kalau pun tidak pada jiwa dan tuboh badan. Tetapi mengapa-kah sa-tengah2 daripada kita maseh kurang mengindahkan peratoran jalanraya? Ada sa-tengah pemandu memotong kereta rakan-nya di-selekoh yang tiada nampak kenderaan mendatang. Ada sa-tengah penunggang basikal tiada menyalakan lampu basikal-nya di-jalanraya yang gelap. Ada sa-tengah pemandu2 pantang di-potong lalu chuba mengejar dan memotong pula rakan-nya yang memotong tadi dan orang yang mula2 memotong itu apabila terasa yang ia di-kejar dan di-potong, lalu dia mengejar dan chuba memotong pula, maka terjadi-lah kejar mengejar sa-akan2 satu perlumbaan kereta di-mana masing2 tidak lagi mengindahkan had2 laju yang di-kehendaki. Bila ini terjadi memang amat sukar mengelakkan terjadi-nya kemalangan lebeh2 lagi kalau jalanraya basah dan lichin.

Kita sekarang ini sedang berusaha menjadikan Islam sa-bagai chara hidup kita. Ugama Islam ada-lah ugama yang menutamakan peratoran dan mematohi peratoran itu ada-lah satu chara kehidupan yang di-tentukan oleh Islam. Dalam kitab suchi Al-Kor'an ada perentah2 yang menyuroh kita ta'at kapada Allah, ta'at kamu kapada Rasulullah s.a.w. dan ta'at kapada raja atau ketua negara.

Undang2 dan peratoran yang di-buat di-bawah undang2 jalanraya itu ada-lah merupakan perentah raja yang wajib kita ta'ati dan patohi dari segi hukum Islam, ia-itu sama kedudokan-nya saperti kita menta'ati dan mematohi perentah Allah dan Rasul-Nya.

Ini bererti jika kita mengabaikan undang2 dan peratoran jalanraya yang sedang berjalan kuat kuasa-nya bererti kita mengabaikan perentah Allah yang mewajibkan kita menta'ati perentah ketua negara yang menyebabkan kita berdosa dan menta'ati perentah ketua negara itu ada-lah mendatangkan pahala kapada kita.

Ini-lah satu hakikat yang mustahak kita sedari dan ada-lah di-serukan supaya tuan2 atau sa-siapa sahaja yang mendengar atau membacha kandongan khutbah ini di-surat khabar supaya menta'ati dan mematohi undang2 dan peratoran jalanraya bagi mengelakkan kemalangan, dan bagi mempastikan keselamatan nyawa, tuboh badan dan harta benda kita sekalian serta bagi mencherminkan keelokan dan ketertiban pemandu2 dan pengguna2 jalanraya di-negeri ini.

Jadikan-lah kechermatan memandu dan kesopanan di-jalanraya itu sa-bagai satu chara hidup kita sa-hari2.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb April, 1980 hingga ka-hari Selasa 6hb Mei, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini :

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 1hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 2hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 3hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 4hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 5hb Mei | 12.24 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.07 |
| 6hb Mei | 12.23 | 3.38 | 6.31 | 7.43 | 4.39 | 4.53 | 6.06 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Memelok Ugama Islam

SA-ORANG puak Dusun dari Daerah Belait, Tagap bin Sanggin telah memelok Ugama Islam di-hadapan YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin baru2 ini.

Tagap yang berusia 20 tahun itu telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mazlan bin Abdullah.



